

SULIT

EEP3033



UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER KEDUA SESI 2006/2007**

Look,
It is not
2008!

KOD/NAMA KURSUS : EEP3033 EKONOMI PERCUKAIAN
TARIKH : 9 MEI 2007 (RABU)
MASA : 8.30 – 11.00 PAGI (2½ JAM)
TEMPAT : BK1 (FPAU) DAN BK2 (FPAU)

ARAHAN :

Choose any 5 from 6 questions

1. Kertas soalan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan di dalam **LIMA (5)** halaman bercetak tidak termasuk kulit hadapan.
2. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** soalan.
3. Semua jawapan hendaklah ditulis diruangan yang disediakan di dalam kertas soalan ini.

Soalan 1 (20 MARKAH)

- (a) Dengan menggunakan rajah yang sesuai, jelaskan pengukuran beban berlebihan dengan menggunakan pendekatan Marshallian dan pendekatan Hicks. Terangkan dengan ringkas kelemahan pendekatan Marshallian. **(7 Markah)**
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan hukum keanjalan songsang (*inverse elasticity rule*) dan bagaimanakah ianya dikaitkan dengan Hukum Ramsey. **(8 Markah)**
- (c) Terangkan maksud insiden statutori (berkanun) dan insiden ekonomi. Adakah wujud perkaitan antara insiden statutori dan insiden ekonomi? **(5 Markah)**

Soalan 6 (15 MARKAH)

- (a) Terangkan dengan ringkas bagaimana percukaian ke atas perolehan bunga mempengaruhi keputusan menabung individu tabungan. **(3 Markah)**
- (b) Jika pendapatan $Y = \text{RM}15,000$, kadar bunga (r) = 5 peratus dan kadar cukai (t) = 20 peratus. Kirakan perolehan bunga sebelum dan selepas cukai. **(3 Markah)**
- (c) Apakah perkaitan antara tabungan dan penggunaan masa hadapan? **(2 Markah)**
- (d) Berbantukan rajah, jelaskan kesan penurunan cukai pendapatan ke atas tabungan individu. **(7 Markah)**

Now, we move to Sem II 2005/06...

Soalan 1 (15 Markah)

(a) Terangkan dengan ringkas mengenai hubungan cukai dengan perkara-perkara berikut:

- i. pengalokasian sumber-sumber
- ii. agihan pendapatan

(8 Markah)

(b) Keprogresifan sesuatu struktur cukai berkait rapat dengan tanggungan cukai dan tingkat pendapatan. Jelaskan kesignifikanan tanggungan cukai dan tingkat pendapatan sebagai asas cukai dalam penentuan keprogresifan cukai.

(7 Markah)

Soalan 4 (25 Markah)

- (a) Nyatakan syarat kecekapan penggunaan, kecekapan pengeluaran dan kecekapan umum yang digunakan dalam analisis kecekapan pencukaian. Dengan menggunakan rajah yang sesuai, tunjukkan dan terangkan dengan ringkas kesemua syarat-syarat tersebut dipenuhi.

(7 Markah)

- (b) Bandingkan kesan pengenaan cukai umum dan cukai pilihan ke atas pilihan pengguna atau isirumah. Perbandingan haruslah dibuat berdasarkan kepada skop-skop berikut:

- i. kesan ke atas keseimbangan umum
- ii. tingkat utiliti sosial
- iii. beban pindahan sumber

(10 Markah)

- (c) Apakah intipati utama Peraturan Ramsey? Dengan menggunakan Peraturan Ramsey, jelaskan adakah sesuatu struktur cukai dikatakan cekap sekiranya kadar cukai yang sama dikenakan ke atas dua pasaran barangan yang mempunyai keanjalan yang berbeza.

(8 Markah)

Soalan 5 (20 Markah)

- (a) Terangkan secara ringkas maksud Kapasiti Boleh Cukai?
(3 Markah)
- (b) Jelaskan pengaruh ciri-ciri sistem pencukaian ke atas Kapasiti Boleh Cukai.
(7 Markah)
- (c) Dengan menggunakan model Antara-Masa Gelagat Tabungan, jelaskan kesan cukai ke atas tabungan. Bataskan perbincangan anda kepada aspek kesan penggantian, kesan pendapatan dan kesan bersih tabungan.
(10 Markah)